

# **APLIKASI KADEAH QAVALIB BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBINA AYAT MUDAH DALAM BAHASA ARAB MUA'SIROH MURID-MURID TINGKATAN DUA SEKOLAH AGAMA MENENGAH HULU LANGAT, CHERAS, SELANGOR**

***THE APPLICATION OF QAVALIB METHOD TO IMPROVE THE SKILL  
OF WRITING SIMPLE SENTENCES IN BAHASA ARAB MU'ASIROH  
AMONG FORM TWO STUDENTS, SEKOLAH AGAMA MENENGAH  
HULU LANGAT, CHERAS, SELANGOR***

**Azlan Shaiful Baharum<sup>1</sup>**

Pensyarah Kanan,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Malaysia.

(Email: azlan\_arab@usim.edu.my)

**Siti Munyra Alhaj Md Zyadi<sup>2</sup>**

Guru, Sekolah Agama Menengah Hulu Langat (Sekolah Kluster Kecemerlangan), Selangor, Malaysia.

(Email: smzyadi@yes.my)

**Received date:** 12-11-2019

**Revised date:** 24-11-2019

**Accepted date:** 25-11-2019

**Published date:** 15-12-2019

**To cite this document:** Baharum, A. S., & Md Zyadi, S. M. A. (2019). Aplikasi Kaedah Qawalib Bagi Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Mudah Dalam Bahasa Arab Mua'siroh Murid-Murid Tingkatan Dua Sekolah Agama Menengah Hulu Langat, Cheras, Selangor. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 163-174.

**DOI:** 10.35631/ijhpl.280012

**Abstrak:** Kajian kes selama 4 minggu ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah qawalib untuk meningkatkan kemahiran membina ayat mudah dalam bahasa Arab Mu'asiroh dalam kalangan murid sekolah menengah agama. Sampel kajian ini adalah 32 orang pelajar Tingkatan 2 Tarmizi yang sedang belajar di Sekolah Agama Menengah Hulu Langat (Sekolah Kluster Kecemerlangan). Borang kaji selidik diedarkan kepada sampel kajian untuk melihat respon mereka terhadap minat dan keupayaan membina ayat dalam bahasa Arab. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa mereka sangat berminat terhadap bahasa Arab tetapi kekangan dalam mendapatkan perbendaharaan kata yang sesuai dan kekurangan perkataan untuk membina ayat yang gramatis dalam bahasa Arab. Diharapkan dengan kaedah yang dicadangkan, pelajar dapat mengaplikasikannya dalam sesi pembelajaran dan meminimumkan kelemahan mereka menulis ayat dalam Bahasa Arab.

**Kata Kunci:** Kaedah Qawalib, Ayat Mudah Bahasa Arab, Tingkatan Dua, Sekolah Agama Menengah Hulu Langat

**Abstract:** The study case of 4 weeks aims to study the effectiveness of the application of qawalib method to improve the skill of writing simple sentences in bahasa arab mu'asiroh among students of secendory religious school. Sample of the study is 32 students of Form 2 Tarmizi studying in Sekolah Agama Menengah Hulu Langat (Sekolah Kluster Kecemerlangan). The questionnaire distributed to the sample to get their response towards the capability to write sentences in Arabic. The result shows that they really like to learn Arabic but the problem occurs in lack of vocabularies and limited words to write correct Arabic sentences grammatically. It hopes that from the suggested method, students can apply in their learning session and help them to minimize their weakness in writing Arabic sentences.

**Keywords:** Qawalib Method, Simple Arabic Sentences, Form Two, Sekolah Agama Menengah Hulu Langat

---

## Pendahuluan

Bahasa ialah satu elemen yang penting untuk menggambarkan luahan idea, persepsi dan pengalaman yang ada dalam kehidupan seharian seseorang manusia. Menurut Rosni (2009), ia merupakan satu cara yang paling efektif untuk berhubung dan berkomunikasi dengan efektif. Salah satu cara penggunaan bahasa ialah melalui penulisan. Justeru itu, kebanyakan pembelajaran bahasa dan juga peperiksaan sekarang menekankan aspek penulisan. Namun begitu, menurut Abu Saiid (2007) kemampuan mereka dalam menulis eseи jenis ini masih dipersoalkan. Terdapat banyak kesalahan yang ditemui sepanjang proses pembelajaran terutama pembinaan ayat. Kebanyakan kajian memfokuskan dan membuktikan aspek ini, termasuklah kajian yang dilakukan oleh Mahmud dan Mikhail (2007) yang mengesahkan perkara tersebut. Setelah diteliti kebanyakan elemen yang boleh dikaji ialah cara yang terbaik untuk membina ayat yang mudah dalam bahasa Arab Mu'siroh dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia kini semakin berkembang luas (Rosni,2009). Sejak ia diperkenalkan lebih kurang 20 tahun yang lalu secara formal, ia semakin diterima. Namun begitu menurut Azlan et. Al (2013), penguasaan pelajar dalam aspek bahasa masih berada ditahap yang kurang memuaskan terutama sekali di peringkat menengah. Pencapaian pelajar dalam ujian dan peperiksaan bahasa Arab dalam bentuk kemahiran bertulis mengundang keimbangan pelbagai pihak dalam bidang akademik. Ia membawa kepada penguasaan yang semakin merosot dari semasa ke semasa.

## Kajian Literatur dan Permasalahan Kajian

Menurut Abdul Halim et. a l. (2006), kualiti eseи dan penulisan mereka juga semakin kurang baik. Dalam pada itu, pelbagai kesalahan dapat dilihat dalam penulisan pelajar di universiti ini. Sebagai contoh dalam aspek ejaan, dan susunan perkataan pelajar terkeliru antara penggunaan Sin dan Syin dalam perkataan "شکرا", mereka menulis sebagai "سکرا". Dalam aspek morfologi misalnya, mereka menambah huruf Alif bagi perkataan "مكتب" ditulis sebagai "مكتاب". Manakala dalam aspek sintaksis pula, ada di antara mereka yang membentuk kata nama khas التكير التعريف seperti dalam frasa nama "كتاب اللغة" daripada sesuatu yang umum

"العربية". Akan tetapi untuk kajian ini, fokus akan diberikan hanya pada kesalahan ortografi sahaja.

Mengikut Siti Ilham (2018), isu kelemahan mereka dalam penulisan bahasa Arab terus diperdebatkan hingga kini. Para pengkaji masih lagi mencari apakah puncanya. Rohaizaf et.al (2018) berpendapat bahawa kelemahan semakin ketara dari sehari ke sehari. Menurut Khazri dan Ku Siti Esah (2012), apabila bahasa Arab digunakan secara meluas pada masa kini oleh penutur bukan Arab dalam bidang akademik, maka berlakulah kesalahan demi kesalahan sama ada aspek pertuturan mahu pun penulisan yang boleh mengurangkan keistimewaannya.

Kelemahan penulisan ini amat ketara dalam beberapa aspek bahasa termasuklah sintaks, ortografi/ejaan, morfologi/pembinaan kata dan leksikografi/pemilihan kosa kata (Azlan,2013). Kesalahan-kesalahan ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Madihah Muhammad Yusof (2009) kepada pelajar peringkat yang lebih tinggi kesan dari kelemahan di peringkat menengah rendah. Dapatan kajian Rosni Samah (2009) menunjukkan pelajar lepasan sekolah menengah agama lemah dalam menulis karangan bahasa Arab. Hanya 16% sahaja yang mendapat markah 6 ke atas daripada 10 markah. Kelemahan ini berlaku dalam membina ayat yang betul.

Menurut Nur Hidayah (2017), kelemahan penguasaan bahasa mempunyai kaitan rapat dengan kesalahan bahasa terutama tatabahasa dan kaedah penulisan. Oleh sebab itu terdapat juga penyelidik yang cuba mengenangkan kesalahan-kesalahan Bahasa yang dilakukan oleh pelajar. Menurut Hanizam (2004), pembelajaran bahasa Arab terlalu memfokuskan teori kesalahan bahasa semata-mata dan tidak menekankan kemahiran penulisan. Mahama Duriah (1999) yang membuat kajian tentang kesalahan penggunaan kata ganti nama Arab dalam kalangan pelajar secara lisan dan penulisan, mendapati bahawa terdapat banyak sebab yang menjurus kepada kesalahan yang berulang kali. Ini dapat dilihat melalui pemikiran pelajar yang cenderung berfikir dalam bahasa Melayu sebelum menulis atau bertutur dalam bahasa Arab. Ini mengakibatkan mereka menghadapi kesukaran untuk menulis atau bertutur dengan penyusunan ayat yang betul. Ini bertepatan dengan kajian Saleh Mahgoub (2017), kajian Majdi (2017) dan Hazwan (2018) tentang kesan pengaruh bahasa ibunda dalam kesalahan perbendaharaan bahasa terutama dalam penulisan ayat bahasa Arab.

Oleh itu, dalam kajian tindakan ini, isu atau masalah yang dihadapi oleh pelajar sekolah berkenaan dikaji adalah berlandaskan justifikasi dan keterangan berikut:

1. Tiada kosa kata yang banyak akan menyukarkan murid membina ayat bahasa Arab walaupun ayat yang ringkas dan mudah.
2. Tidak mempunyai kosa kata boleh menyumbang kepada kurangnya minat kepada Bahasa Arab dan mereka akan berpendapat bahawa Bahasa Arab ialah subjek yang susah.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengaplikasi kaedah Qawalib bagi meningkatkan kemahiran membina ayat mudah dalam Bahasa Arab Mua'siroh. Untuk mencapai tujuan kajian di atas, maka objektif kajian yang hendak dicapai ialah:

1. Murid dapat memilih perkataan yang sesuai untuk membina ayat berdasarkan kaedah Qawalib yang diberikan.
2. Murid dapat membina ayat menggunakan kata kerja dan kata nama yang tepat.
3. Murid dapat menulis ayat yang lengkap serta tepat dari segi tatabahasa berdasarkan Qawalib yang diberikan.


### **Keperluan Isu Diatas**

Isu dan masalah ini perlu diatasi untuk menggerakkan perubahan tingkahlaku positif (+ve) yang dikehendaki iaitu:

1. Meningkatkan kemahiran murid membina ayat mudah dan tepat.
2. Mempunyai minat yang tinggi kepada mata pelajaran Bahasa Arab.
3. Mengurangkan bilangan murid yang gagal dalam mata pelajaran Bahasa Arab.
4. Mewujudkan perubahan sikap yang lebih positif.

### **Metodologi Kajian**

*Carta Alir Proses Tindakan*



**Rajah 2: Proses Tindakan**

### **Refleksi Pdpc: Senario Bilik Darjah**

Murid Tingkatan 2 Tarmidzi merupakan kelas ketiga daripada 5 buah kelas tingkatan Dua di sekolah Agama Menengah Hulu Langat. Bilangan murid kelas 2 Tarmidzi ialah seramai 32 orang. Berikut adalah profil murid.

### Jadual 1: Profil Murid 2 Tarmidzi

Bil	Nama Murid	Jantina		Lokaliti	
		1	2	1	2
1	Adam Izzuddin Bin Rashidi	✓			✓
2	Adib Dinie Bin Khairullah	✓			✓
3	Ahmad Sufi Bin Ahmad Siroji	✓		✓	
4	Ahmad Sufyan Bin Naseruddin	✓		✓	
5	Akram Harith Bin Azwan	✓		✓	
6	Alesha Binti Mustaffa		✓	✓	
7	Alin Zukrina Binti Zainudin		✓	✓	
8	Amirul Hanif Bin Mohamad Ansahari	✓			✓
9	Ammar Mukhriz Bin Mohammad Saad	✓			✓
10	Ariff Hakimi Bin Najmi	✓		✓	
11	Asma' Salsabiela Binti Mohd Tarmizi		✓	✓	
12	Fahrin Dameer Bin Badrul Izham	✓			✓
13	Juwana Binti Roslee		✓	✓	
14	Mohamad Arif Haikal Bin Ahmad	✓		✓	
15	Muhammad Amer Rasyid Bin Zainol	✓		✓	
16	Muhammad Asyraaf Bin Mohd Azraai	✓		✓	
17	Muhammad Hafiz Bin Mohd Edzuan	✓		✓	
18	Muhammad Hafiz Bin Zulkhairi	✓			✓
19	Muhammad Haziq Fahim Abdul Hadi	✓		✓	
20	Muhammad Syahir Bin Shamsul Bahari	✓			✓
21	Nabila Binti Faisal Riza		✓	✓	
22	Nor Syahira Binti Kamarudin		✓		✓
23	Nur Aina' Bahiah Binti Mohamad Nawawi		✓		✓
24	Nur Amalin Munira Binti Borhan		✓		✓
25	Nur Ameera Aina Binti Muhamad Sahran		✓		✓
26	Nur Aqeelah Binti Anuar		✓		✓
27	Nur Aqilah Binti Abdul Rahim		✓		✓
28	Nur Khadijah Binti Khalil		✓		✓
29	Nurbatrisyah Husna Binti Hafizan		✓	✓	
30	Siti Nurdinie Fadhilah Binti Norazwan		✓	✓	
31	Siti Solehah Binti Mohamad Zaid		✓	✓	
32	Wan Muhammad Irfan Bin Mohd Isa	✓		✓	

**Keterangan:**

Jantina      1. Lelaki  
                 2. Perempuan

Lokaliti      1. Asrama  
                 2. Luar/Rumah

***Mengenalpasti Masalah***

Pengkaji telah mengenalpasti masalah murid tidak dapat membina ayat mudah yang betul dan tepat dengan menganalisis dokumen sedia ada seperti kertas ujian, semakan buku latihan dan mengamati perubahan tingkahlaku murid melalui tanya jawab, bahan edaran dan aktiviti

kumpulan. Didapati, 20 daripada 32 orang murid masih lagi tidak menunjukkan prestasi sebenar dalam pembelajaran mereka, iaitu:

Semakan Buku Latihan	Semakan Kertas Ujian	Pemerhatian Langsung
1. Tidak menghantar	1 Tidak menepati kehendak soalan	1. Tidak memberikan tumpuan
2. Tidak lengkap	2. Rata-rata sederhana	2. Tidak membawa buku teks dan latihan
3. Menyalin daripada rakan	3.Terdapat kesalahan ejaan	3. Pasif dalam kegiatan kumpulan
4. Tidak membuat pembetulan		4. Banyak bergantung kepada rakan-rakan utk menyiapkan latihan

### **Jadual 2: Mengenalpasti Masalah Pembelajaran**

Untuk mendapatkan maklumat yang lebih konkrit dan menentukan masalah yang hendak dikaji, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik untuk diedarkan kepada murid-murid 2 Tarmidzi yang mempunyai skala kekerapan lima mata seperti berikut:

5	Sangat setuju
4	Setuju
3	Kurang pasti
2	Kurang setuju
1	Tidak setuju

Arahan: Berikan skor anda mengikut mata di atas berdasarkan diri anda

Bil	Item yang diperhatikan	Skala				
		1	2	3	4	5
1.	Saya tidak menghantar buku latihan mengikut ketetapan					
2.	Saya tidak memahami arahan soalan					
3.	Saya tidak mempunyai kosa kata yang banyak					
4.	Saya tidak berminat / kurang berminat belajar Bahasa Arab					
5.	Saya selalu lambat menyiapkan latihan					
6.	Saya memerlukan bantuan rakan untuk membina ayat					
7.	Saya bermasalah dalam mengingat kosa kata					
8.	Saya keliru dalam menentukan isim muzakkir dan muannas					
9.	Saya keliru dalam menggunakan fiel muzakkir dan muannas					
10.	Saya keliru dalam menukar tasrif fiel					
11.	Saya keliru dalam menukar isim mufrad ke musanna dan jamak					
12.	Saya keliru penggunaan lif lam dalam ayat					

### **Jadual 3: Skala Kekerapan Tingkah laku Belajar Bahasa Arab Muasirah LAM**

Hasil analisis yang dibuat terhadap data yang diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan, berikut ialah dapatan yang diperolehi.

Item	Skala 1		Skala 2		Skala 3		Skala 4		Skala 5	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
1	12	37.5	14	43.75	3	9.38	2	6.25	0	0
2	3	9.38	15	46.87	12	37.5	2	6.25	0	0
3	0	0	4	12.5	21	<b>65.63</b>	7	21.88	0	0
4	11	34.38	10	31.25	10	31.25	0	0	1	3.12
5	7	21.88	10	31.25	11	34.38	3	9.38	0	0
6	1	3.12	4	12.5	11	34.38	2	6.25	4	12.5
7	9.4	12.5	7	21.88	8	25	9	28.12	3	9.38
8	16	50	12	37.5	1	3.12	0	0	1	3.12
9	10	31.25	14	43.75	5	15.63	0	0	2	6.25
10	3	9.38	7	21.88	12	37.5	5	15.63	2	6.25
11	8	25	8	25	7	21.88	5	15.63	2	6.25
12	13	40.63	5	15.65	7	21.88	4	12.5	2	6.25


#### **Jadual 4: Dapatan Keseluruhan Soal Selidik**

Berdasarkan jadual 3 dapatan keseluruhan soal selidik yang dianalisis daripada sampel seramai 32 orang, senarai masalah yang dikenalpasti dikategorikan mengikut kriteria berikut:


0 - 20 %	21 – 40 %	41 – 60 %	61 – 80 %
Kurang Kritikal	Kritikal	Agak Kritikal	Sangat Kritikal

#### **Jadual 5: Kategori Masalah Yang Hendak Dikaji**

Dapatan yang diperolehi, dipindahkan dalam bentuk grafik untuk memberi gambaran lebih jelas menerusi Graf Bar seperti dalam rajah berikut:



**Rajah 1.1: Mengenalpasti Isu Kritikal**



**Rajah 1.2: Mengenalpasti Isu Kritikal**

Berdasarkan rajah 1.1 dan rajah 1.2 di atas, masalah utama murid adalah penguasaan kosa kata. Sebanyak 65.63% murid yang tidak pasti samada mereka mempunyai kosa kata atau tidak. Penguasaan kosa kata merupakan salah satu penyumbang kepada membina ayat yang

betul dan tepat berdasarkan arahan yang diberikan oleh guru atau arahan di dalam buku latihan dan kertas soalan.

### **Tinjauan Awal**

Langkah-langkah yang telah dilakukan adalah berdasarkan pemeriksaan buku latihan, mengadakan ujian dan mengedarkan borang kaji selidik.

### **Pengumpulan Data**

<b><u>Langkah Dan Minggu</u></b>	<b><u>Cara Penilaian</u></b>	<b><u>Kumpulan sasaran</u></b>	<b><u>Tujuan</u></b>
<b><i>Langkah 1</i></b> Minggu 1 dan Minggu 2	<i>Memeriksa Buku Tulis</i>	<i>32 orang murid 2 Tarmidzi</i>	Mengenal apakah masalah sebenarnya yang dihadapi oleh murid .
<b><i>Langkah 2</i></b> Minggu 3	<i>Ujian</i>	<i>32 orang murid 2 Tarmidzi</i>	Murid membina ayat mudah berdasarkan qawalib yang diberikan.
<b><i>Langkah 3</i></b> Minggu 4	<i>Edar borang kaji selidik</i>	<i>32 orang murid 2 Tarmidzi</i>	Kertas soal selidik diedarkan untuk mendapat kepastian pada masalah yang dihadapi.

**Jadual 6: Kaedah Mengutip Data**

### **Analisa Tinjauan Masalah**

<b><u>Langkah Dan Minggu</u></b>	<b><u>Cara Penilaian</u></b>	<b><u>Kumpulan sasaran</u></b>	<b><u>Masalah telah dikenalpasti</u></b>
<b><i>Langkah 1</i></b> Minggu 1 dan Minggu 2	<i>Memeriksa Buku Tulis</i>	<i>32 orang murid 2 Tarmidzi</i>	Terdapat kesalahan ayat walaupun telah dibincangkan di dalam kelas.
<b><i>Langkah 2</i></b> Minggu 3	<i>Ujian</i>	<i>32 orang murid 2 Tarmidzi</i>	Setelah membuat Ujian Pra saya dapat hanya 12 orang saja yang dapat membuat ayat dengan betul ,yang selebihnya banyak kesalahan ayat seperti tidak membina ayat mengikut qawalib yang disediakan , salah penggunaan isim muzakkar dan muannas , salah ejaan.
<b><i>Langkah 4</i></b>	<i>Borang kaji selidik</i>	<i>32 orang murid 2 Tarmidzi</i>	Rujuk jadual 1.1 dan 1.2

Minggu 4			
----------	--	--	--

### **Jadual 7: Analisa Tinjauan Masalah**

#### **Perancangan Tindakan**

Berdasarkan tinjauan awal didapati masih terdapat murid lemah dari segi penulisan. Ini adalah kerana mereka kurang kosa kata Bahasa Arab (Loqman, 2019) dan (Hazwan, 2018), tidak memahami arahan soalan, dan memerlukan bantuan rakan sekumpulan dan guru untuk membuat ayat bahasa Arab yang betul dan garamatis.

Oleh itu untuk mengatasi masalah ini, kaedah *Qawalib* digunakan untuk melaksanakan kajian ini:

- a. Menulis qawalib yang saya hendak ajar pada hari tersebut.
- b. Memberikan contoh berdasarkan Qawalib
- c. Meminta murid membina ayat mudah berdasarkan Qawalib secara berkumpulan
- d. Meminta murid membina ayat mudah berdasarkan Qawalib secara individu.

Tempoh pelaksanaan intervensi ialah selama 4 minggu.

#### **Pelan Intervensi**

Pelan Intervensi yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti murid yang memang tidak boleh membina ayat dengan betul dan tepat.
2. Memanggil murid tersebut dan menerangkan kesalahan ayat yang mereka telah buat.
3. Meminta mereka membuat pembetulan.

#### **Pemantauan Aktiviti**

Sepanjang aktiviti dilaksanakan, pemantauan dibuat untuk memastikan pelajar menjayakan setiap aktiviti mengikut arahan. Guru membuat pemantauan dengan memberi tumpuan kepada aspek-aspek berikut:

1. Pembentukan kumpulan
2. Penggunaan bahan bantu (buku tulis dan buku kerja)
3. Pelaksanaan aktiviti
5. Perekodan pemerhatian dan pengumpulan data

#### **Kesimpulan**

Setelah selesai melakukan kajian ini, maka didapati ada dalam kalangan pelajar yang mampu menulis ayat dengan betul dan tepat berdasarkan qawalib yang diberikan. Akan tetapi ada sebahagian kecil yang lain masih belum menguasai dengan baik penulisan ayat mengikut kaedah tersebut. Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh beberapa penyelidik yang terdahulu seperti Rosni (2009), Azlan (2017), Rohaizaf (2018) dan Loqman (2019). Oleh itu usaha yang berterusan diperlukan untuk memantapkan kemampuan pelajar dalam menulis ayat bahasa Arab dengan betul dan tepat.

## Rujukan

- Abu Saiid Muhammad Abdul Majiid. (2007). *Al-Ittijahat Hadithah Fi Tadris At-Ta'bir Fi 'Asr Aulamah. Prosiding Seminar Islmaiyyat Lughah wa adab fi bana' hadharil ummah Islmayyah*. Universiti Islam Antarbangsa Malaysia, 165-184.
- Azlan Shaiful Baharum. (2013). *Kesalahan Bahasa Dalam Penulisan Berformat Dalam Kalangan Pelajar Pengkhususan Bahasa Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azlan Shaiful Baharum et.al (2017). *Alakhta' Alughawiah Ladal Attullab Aljamiah Almalizyyah*. Nilai: Penerbitan USIM Press.
- Hanizam Mohamad Ghazali. (2004). *Al-Akhta' lughawiyyah kitabiah lada tullab malayuwiyyin fi istikhdam masdar: dirasah tahliliyyah*. Tesis Sarjana. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim. (2012). Analisa Kesalahan Pelajar Dalam Penulisan Bahasa Arab: Kajian Kursus Maharat Al-Kitabah. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*. Bangi: Univerisiti Kebangsaan Malaysia. 130-138.
- Madihah Muhammad Yusof. (2009). *Mustawa Ma'rifah Jumal Ismiyyah Lada Tholabah Wa Tholibat Sanah Thalithah Fi Kuliyyah Quran Wa Sunnah*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mikhail Ibrahim & Mahmud Mohamed Ali. (2007). Tahlil akhta' lughawiyyah lada tullab jamiah ulum islmaiyyah. *Prosiding Seminar Islmaiyyat Lughah wa adab fi bana' hadharil ummah Islmayyah*. Universiti Islam Antarbangsa Malaysia. 359-376.
- Mohamad Hazwan Abdul Rahman. (2018). *Mustawa Iktisab Mufradat Alarbiah Lada Tulab Almarkaz Attamhidi Bi Jamiatil Ulum Alislamiyyah Alamalizyyah*. Tesis Master. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohammad Loqman Ibrahim. (2019). *Alakhta' Fi Idhafah Wa Alsifat Littulab Almaahad Islamiy Hulu Langat Cheras Selangor Malizia*. Tesis Master. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Naimah Abdullah. (1995). *Masalah Ejaan Arab di kalangan Pelajar Melayu*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor Azizi Ismail, Lubna Abd Rahman & Wan Azura. (2007). Tahlil kitabah arabiyyah: dirasah fi jamiah ulum islamiyyah maliziah. *Prosiding Seminar Islmaiyyat Lughah Wa Adab Fi Bana'hadhari Lil Ummah Islmayyah*. Universiti Islam Antarbangsa Malaysia. 309-318.
- Norasmazura Muhammad. (2005). *Al-Akhta' Fiistikhdam Atta'rif Wa Tankir Liddarisin Fi Madaris Diniyyah Biwilayah Kelantan: Dirasah Wasfiyyah Tahliliyyah*. Tesis Sarjana. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nur Hidayah Mohd Yusof. (2017). *Suubat I'rab Jama' Mudhakkar Salim Wa Af'al Al Khmsah Lada Tullab Almadrasah Adiniyyah Attanaywiyyah SMA MAIWP Tahta Isyraf Ha'aiah Asyyuun Alislamiyyah Wilayah Persekutuan*. Tesis Master. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rohaizaf Maizani Mat Zain. (2013). *Toriqah Mubasyirah Fi Taalum Lughah Arabiah Lil Mustawa Mubtadi': Dirasah Fi Markaz Dirasat Asasiah Di Jamiah Islamiah Alamiah Malizia*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rohaizaf Maizani Mat Zain et.al. (2018). *Ta'lîm Maharatil Kalam Billughatil Arabiah Linnatiqin Bighairiha*. Nilai: Penerbitan USIM Press.

- Rosni Samah & Mohd. Marwan Ismail. (2006). *Mustawa Tholabah Syahadah 'Allyyah Diniyyah Maliziah Fi Madh Balaghah Arabiah Wa Masyakiliha: Dirasah Fil Madaris Diniah Biwilayah Selangor*. Laporan Penyelidikan. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari & Amizan Helmi Mohamad. (2013). Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa arab dalam kalangan jurulatih debat. *GEMA Online™ Journal of Studies*, 13(2), 99-116.
- \_\_\_\_\_. (2007). *Penggunaan Internet Dalam Pengajaran Bahasa: Kajian Terhadap Bahasa Arab Komunikasi Pelancongan*. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 1(2), 83-95.
- \_\_\_\_\_. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Lepasan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 12(2), 555-569.
- \_\_\_\_\_. (2014a). Using SILL's Strategies among Student in Learning Arabic Language in Malaysia. *Wulfenia Journal*. Vol 21, No. 1. 26-34.
- \_\_\_\_\_. (2014b). Suggested Strategies for Non-Arabic Speakers in Learning Arabic Language. *Pensee Journal*. Vol 76, No. 1. 232-239.
- \_\_\_\_\_. (2014c). The Development of Imitation Strategy Inventory for learning Arabic Language in Malaysia. *Pensee Journal*. Vol 76, No. 6; Jun 2014
- Ruzuani Muhammad. (2009). *Al-Akhta' Imlaiyyah Fi Isti'mali Hamzatul Wasli Wal Qati'lada Tholabah Fi Qism Tarbiyyah Bil Jamiah Ulum Islamiyyah Maliziah*. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sueraya Che Haron et al., (2010), *Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies among Selected Malay Learners: A Case-Study at The International Islamic University Malaysia (IIUM)*, Contemporary Issues in Education Research; Aug 2010; *ProQuest Education Journals*.
- Siti Ilham Muhammad. (2018). *Daurul Munazoroh Fitamiah Maharatil Muhadathah Ladah Mutanazirinfi Tolabah Darul Quran JAKIM*. Tesis Master. Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- Wejdan Mohamad Salleh Kenali. (2000). *Tahlil Al-Akhta' Kitabiah Fi Isti', Li Huruf Al-Jar Tittalabah Malayuwiyin Fi Qism Lughatil Arabiyyah Wa Adabiha*. Tesis Sarjana. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.